

14 MAY 2000

Ling-Mahathir

DR MAHATHIR MASIH BERUPAYA MENJALANKAN TUGAS, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih merupakan "pemimpin yang cekap dan rajin" dan berupaya untuk terus menjalankan tugas, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Oleh sebab itu, cadangan Perdana Menteri untuk menugaskan beberapa daripada peranan beliau kepada timbalannya supaya dapat menumpukan lebih banyak masa kepada Umno tidak akan menjejaskan Kabinet, kata Dr Ling, yang juga presiden MCA.

"Dr Mahathir berupaya untuk terus menjalankan tugas walaupun beliau berusia 74 tahun," kata Dr Ling kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Tahunan MCA Wilayah Persekutuan di sini.

Dr Mahathir, dalam ucapan penggulungannya di perhimpunan agung Umno semalam berkata, beliau mahu menugaskan beberapa daripada perannya dalam kerajaan kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya beliau dapat memperuntukan lebih banyak masa bagi tugas-tugas parti.

Dalam ucapannya, Dr Ling menyeru anggota-anggota parti supaya berusaha untuk memperkenalkan komputer dan teknologi maklumat kepada generasi muda.

Kajian antarabangsa menunjukkan yang kanak-kanak dapat menguasai komputer lebih cepat daripada orang dewasa, kata beliau.

Konvensyen itu dihadiri oleh 300 anggota parti dan pemimpin.

-- BERNAMA

SLR YBY PR